

02/02/1997

Mahathir lancar pesawat AirAsia

SUBANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menepung tawar pesawat Boeing 737-300 AirAsia Sdn Bhd (AirAsia) di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAS) dekat sini, semalam.

Pesawat kedua AirAsia itu yang mempunyai 148 tempat duduk kelas pelancong, disewa daripada GE Capital Aviation Services Ltd, Amerika Syarikat dan mula beroperasi sejak November 1996.

Selepas menepung tawar, Dr Mahathir bersama Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Yahaya Ahmad, berlepas ke Langkawi untuk berbuka puasa dan kembali semula dengan pesawat berkenaan, malam semalam.

Ketika ini, AirAsia - syarikat penerbangan nasional kedua Malaysia, mempunyai penerbangan antarabangsa ke Pattaya dan Taipei melalui Kota Kinabalu.

Sempena perayaan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri, AirAsia turut menambah penerbangan ke Kota Bharu dan Kota Kinabalu.

Sementara itu, Pengarah AirAsia, Datuk Tik Mustaffa, berkata AirAsia akan menyewa lebih banyak pesawat untuk mengembangkan perkhidmatannya ke China, India dan Indonesia.

Tik yang juga Naib Presiden Hicom Holdings Bhd, syarikat induk AirAsia, berkata Kementerian Pengangkutan sudah memberi jaminan untuk memberikan jawapan terhadap permohonan AirAsia untuk mengadakan perkhidmatan ke negara terbabit tidak lama lagi.

Beliau berkata dari segi jangka panjang, syarikat itu yang mempunyai modal berbayar sebanyak RM20 juta, merancang untuk mengadakan perkhidmatan ke destinasi di luar Asia seperti Eropah dan Asia Barat.

Menurutnya, AirAsia akan menyewa dua pesawat jenis Boeing 757 yang mempunyai 230 tempat duduk menjelang suku terakhir tahun ini.

Beliau berkata AirAsia juga mungkin mengadakan perkhidmatan dalam negeri jika ia menguntungkan.

"Kalau pasarannya memungkinkan, kita akan mengadakan penerbangan domestik," kata beliau.

Bagaimanapun, ia bergantung kepada kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan.

"Kalau kementerian memikirkan bahawa ada kemungkinan penerbangan lain, kita akan pertimbangkannya," kata beliau.

(END)